

Persidangan sebagai platform dapat maklumat, rujukan terkini

UB 30.8.2018 A6

KOTA KINABALU: Persidangan sains pengkomputeran dan kejuruteraan dijadikan platform untuk mendapat maklumat terkini dan sebagai rujukan pada masa hadapan, selain ruang untuk mendapatkan rangkaian jaringan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, 100 peserta dengan 61 pembentang kertas kerja dari dalam serta luar negara menghadiri ‘The Fifth International Conference On Computational Science and Technology 2018’ (ICCST2018) dan ‘International Conference On Computational Science and Engineering 2018’ (ICCSE2018) di sini.

Menurutnya, antara objektif persidangan dua hari itu adalah bagi mengenal pasti isu-isu baharu dalam bidang berkenaan dan sebagai platform kepada para penyelidik untuk berkongsi teknik dalam membentuk arah penyelidikan pada masa akan datang.

“Sains komputer bukan sahaja mengubah cara hidup tetapi juga mampu



AG Asri (duduk, tiga dari kiri), D Kamarudin (duduk, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama Jenifer (duduk, empat dari kanan) dan para peserta persidangan.

membantu menyelesaikan masalah dalam kehidupan sehari-hari kita.

“Kerajaan juga mengiktiraf kepentingan sains pengkomputeran dalam usaha melahirkan masyarakat pintar di negeri ini selain memanfaatkan teknologi pengkomputeran meningkatkan produktiviti pertanian dan juga dalam bidang pertahanan untuk melindungi Sabah daripada ancaman militan.

“Dengan kepakaran semasa dan kewujudan Unit Penyelidikan Teknologi Pengetahuan di UMS, saya percaya UMS mempunyai kredibiliti untuk memimpin penyelidikan dan aktiviti berkaitan sains data dan

teknologi pengetahuan,” katanya semasa berucap dalam majlis perasmian persidangan pada Rabu.

Beliau berharap melalui persidangan itu, lebih ramai penyelidik akan melibatkan penyelidikan mereka dengan masyarakat agar sains dan teknologi komputer boleh dimanfaatkan bersama.

Sementara itu, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik UMS Profesor Ag Asri Ag Ibrahim berkata, persidangan itu amat penting dalam menuju ke arah Industri 4.0.

“Pada tahun 2017, laporan menunjukkan 7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah hasil

produk dan perkhidmatan yang menggunakan teknologi digital seperti pengkomputeran awam dan Kepintaran Buatan dan dijangkakan pertumbuhan ini akan menjadi lebih tinggi,” katanya.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pelajaran dan Inovasi Negeri Jenifer Lasimbang, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik UMS Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Ketua Unit Penyelidikan Teknologi Ilmu UMS merangkap Pengurus Seminar Profesor Dr Rayner Alfred, wakil Japan Institute of Science and Technology Prof Dr Yuto Lim dan wakil Lincoln University, New Zealand Dr Patricia Anthony.